



Kerajaan Malaysia

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 38

Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

Disember 2016

MPSAS 38 – PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM ENTITI LAIN

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 38 adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 38, *Disclosure of Interests in Other Entities* daripada *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements*, Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants*, IFAC) pada tahun 2015 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements © 2015 oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

No. 1, Persiaran Perdana

Kompleks Kementerian Kewangan

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88821765

Web: <http://www.anm.gov.my>

MPSAS 38 – PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM ENTITI LAIN

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif	1
Skop	2–6
Takrif.....	7–8
Pengaturan Mengikat	8
Pendedahan Maklumat Mengenai Kepentingan dalam Entiti Lain	9–11
Pertimbangan dan Andaian yang Signifikan	12–14
Status Entiti Pelaburan	15–16
Kepentingan dalam Entiti Dikawal.....	17–26
Kepentingan yang Dimiliki oleh Kepentingan Bukan Kawalan dalam Aktiviti dan Aliran Tunai Entiti Ekonomi	19
Sifat dan Tahap Sekatan Signifikan	20
Sifat Risiko yang Berkaitan dengan Kepentingan Entiti dalam Entiti Berstruktur Disatukan.....	21–24
Kesan daripada Perubahan Kepentingan Pemilikan Entiti Mengawal dalam Entiti Dikawal yang Tidak Menyebabkan Kehilangan Kawalan.....	25
Kesan Kehilangan Kawalan ke atas Entiti Dikawal dalam Tempoh Pelaporan	26
Kepentingan dalam Entiti Dikawal Tidak Disatukan (Entiti Pelaburan).....	27–34
Kepentingan dalam Pengaturan Bersama dan Entiti Bersekutu.....	35–39
Sifat, Tahap dan Kesan Kewangan Kepentingan Entiti dalam Pengaturan Bersama dan Entiti Bersekutu	36–38
Risiko yang Berkaitan dengan Kepentingan Entiti dalam Usaha Sama dan Entiti Bersekutu.....	39
Kepentingan dalam Entiti Berstruktur yang Tidak Disatukan.....	40–48
Sifat Kepentingan.....	43–45
Sifat Risiko.....	46–48
Kepentingan Pemilikan yang Tidak Dapat Diukur.....	49–50
Kepentingan Kawalan yang Diperoleh dengan Niat Pelupusan.....	51–57
Peruntukan Peralihan	58–60
Tarikh Kuat Kuasa	61–62
Lampiran A: Panduan Aplikasi	
Lampiran B: Pindaan kepada MPSAS Lain	
Perbandingan dengan IPSAS 38	

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 38, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain*, dinyatakan dalam perenggan 1–62. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 38 haruslah dibaca dalam konteks objektifnya dan Prakata untuk Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menerapkan dasar perakaunan disebabkan tiada panduan yang jelas.

Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk menghendaki entiti supaya mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan untuk menilai:
 - (a) Sifat, dan risiko yang berkaitan dengan, kepentingan dalam entiti dikawal, entiti dikawal tidak disatukan, pengaturan bersama dan entiti bersekutu, dan entiti berstruktur yang tidak disatukan; dan
 - (b) Kesan kepentingan tersebut ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai.

Skop

2. **Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan di bawah asas perakaunan akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini semasa mendedahkan maklumat mengenai kepentingannya dalam entiti dikawal, entiti dikawal tidak disatukan, pengaturan bersama dan entiti bersekutu, dan entiti berstruktur yang tidak disatukan.**
3. **Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh entiti yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana yang berikut:**
 - (a) **Entiti dikawal;**
 - (b) **Pengaturan bersama (iaitu, operasi bersama atau usaha sama);**
 - (c) **Entiti bersekutu; atau**
 - (d) **Entiti berstruktur yang tidak disatukan.**
4. **Piawaian ini tidak diguna pakai untuk:**
 - (a) **Pelan manfaat pascapekerjaan atau manfaat pekerja jangka panjang lain yang mana MPSAS 25, *Manfaat Pekerja* diguna pakai.**
 - (b) **Penyata kewangan berasingan entiti yang mana MPSAS 34, *Penyata Kewangan Berasingan*, diguna pakai. Walau bagaimanapun:**
 - (i) **Jika entiti mempunyai kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan dan menyediakan penyata kewangan berasingan sebagai satu-satunya penyata kewangan, entiti tersebut hendaklah mengguna pakai keperluan dalam perenggan 40–48 apabila menyediakan penyata kewangan berasingan tersebut.**

- (ii) Entiti pelaburan yang menyediakan penyata kewangan yang mana semua entiti dikawal diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan menurut perenggan 56 dalam MPSAS 35 hendaklah membentangkan pendedahan berkaitan dengan entiti pelaburan yang diperlukan oleh Piawaian ini.
- (c) Kepentingan yang dipegang oleh entiti yang mengambil bahagian dalam, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama ke atas, pengaturan bersama, melainkan kepentingan tersebut menyebabkan pengaruh signifikan ke atas pengaturan atau kepentingan dalam entiti berstruktur.
- (d) Kepentingan dalam entiti lain yang diakaunkan menurut MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*. Walau bagaimanapun, entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini:
 - (i) Apabila kepentingan tersebut ialah kepentingan dalam entiti bersekutu atau usaha sama, menurut MPSAS 36, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama*, diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan; atau
 - (ii) Apabila kepentingan tersebut ialah kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan.
- 5. Piawaian ini diguna pakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprises, GBE*).
- 6. *Prakata untuk Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

Takrif

- 7. Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang ditentukan:

Pengaturan mengikat: Untuk tujuan Piawaian ini, pengaturan mengikat ialah pengaturan yang memberikan hak dan obligasi yang boleh dikuatkuasakan kepada pihak yang berkaitan seolah-olah pengaturan tersebut adalah dalam bentuk kontrak. Ini termasuk hak daripada kontrak atau hak undang-undang lain.

Kepentingan dalam entiti lain, untuk tujuan Piawaian ini, merujuk kepada penglibatan dengan cara pengaturan mengikat atau yang mendedahkan entiti kepada kebolehubahan manfaat daripada prestasi entiti lain. Kepentingan dalam entiti lain dapat dibuktikan dengan, tetapi tidak terhad kepada, pegangan instrumen ekuiti atau hutang serta bentuk penglibatan lain seperti peruntukan dana, sokongan kecairan, peningkatan kredit dan jaminan. Ini termasuk cara yang mana entiti mempunyai kawalan atau kawalan bersama, atau pengaruh signifikan ke atas, entiti

lain. Entiti tidak semestinya mempunyai kepentingan dalam entiti lain semata-mata kerana terdapat hubungan pembiaya/penerima atau pelanggan/pembekal yang tipikal.

Perenggan PA7-PA9 menyediakan maklumat lanjut berkaitan dengan kepentingan dalam entiti lain.

Perenggan PA57-PA59 dalam MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan* menjelaskan kebolehubahan manfaat.

Hasil daripada entiti berstruktur, untuk tujuan Piawaian ini, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yuran berulang dan tidak berulang, faedah, dividen atau pengagihan serupa, laba atau rugi pada pengukuran semula atau penyahiktirafan kepentingan dalam entiti berstruktur dan laba dan rugi daripada pemindahan aset dan liabiliti kepada entiti berstruktur.

Entiti berstruktur ialah:

- (a) Dalam kes entiti yang mana pengatur pentadbiran atau undang-undang biasanya ialah faktor dominan untuk menentukan pihak yang mempunyai kawalan ke atas entiti, entiti yang telah direka bentuk supaya pengatur pentadbiran atau undang-undang adalah bukan faktor dominan dalam menentukan pihak yang mengawal entiti, contohnya apabila pengatur mengikat adalah signifikan untuk menentukan kawalan ke atas entiti dan aktiviti relevan melalui pengatur mengikat; atau
- (b) Dalam kes entiti yang mana hak mengundi atau hak setara biasanya ialah faktor dominan untuk menentukan pihak yang mempunyai kawalan ke atas entiti, entiti yang telah direka bentuk supaya hak mengundi atau hak setara adalah bukan faktor dominan untuk menentukan pihak yang mengawal entiti, contohnya apabila apa-apa hak mengundi yang berkaitan dengan tugas pentadbiran sahaja dan aktiviti berkaitan adalah melalui pengatur mengikat.

Perenggan PA20-PA23 memberikan maklumat lanjut berkaitan entiti berstruktur.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan dihasilkan semula dalam *Glosari Takrifan Istilah* yang diterbitkan secara berasingan. Istilah berikut ditakrifkan sama ada dalam MPSAS 34, *Penyata Kewangan Berasingan*, MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan*, MPSAS 36, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama* atau MPSAS 37, *Pengaturan Bersama*: entiti bersekutu, penyata kewangan disatukan, kawalan, entiti dikawal, entiti mengawal, entiti ekonomi, kaedah ekuiti, entiti pelaburan, pengatur bersama, kawalan bersama, operasi bersama, usaha sama, kepentingan bukan mengawal, aktiviti relevan, penyata kewangan berasingan, struktur fungsi berasingan dan pengaruh signifikan.

Pengaturan Mengikat

8. Pengaturan mengikat boleh dibuktikan melalui beberapa cara. Pengaturan mengikat selalunya, tetapi tidak semestinya, secara bertulis, dalam bentuk kontrak atau perbincangan yang didokumenkan antara pelbagai pihak. Mekanisme berkanun seperti badan perundangan atau eksekutif juga boleh mewujudkan pengaturan yang dapat dikuatkuasakan, serupa dengan pengaturan kontrak, sama ada dengan sendirinya, atau bersama dengan kontrak antara pelbagai pihak.

Mendedahkan Maklumat Mengenai Kepentingan dalam Entiti Lain

9. Untuk memenuhi objektif dalam perenggan 1, entiti hendaklah mendedahkan:
 - (a) Pertimbangan dan andaian signifikan yang telah dibuat untuk menentukan:
 - (i) Sifat kepentingan dalam entiti lain atau pengaturan;
 - (ii) Jenis pengaturan bersama yang mana entiti tersebut mempunyai kepentingan (perenggan 12–14); dan
 - (iii) Memenuhi takrifan entiti pelaburan, jika berkaitan (perenggan 15); dan
 - (b) Maklumat berkaitan kepentingan dalam:
 - (i) Entiti dikawal (perenggan 17–26);
 - (ii) Pengaturan bersama dan entiti bersekutu (perenggan 35–39);
 - (iii) Entiti berstruktur yang tidak disatukan (perenggan 40–48);
 - (iv) Kepentingan pemilikan yang tidak dapat diukur (perenggan 49–50); dan
 - (v) Kepentingan kawalan yang diperoleh dengan niat pelupusan (perenggan 51–57).
10. Jika pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian ini, bersama dengan pendedahan yang diperlukan oleh MPSAS lain, tidak memenuhi objektif dalam perenggan 1, entiti hendaklah mendedahkan apa-apa maklumat tambahan yang diperlukan untuk memenuhi objektif tersebut.
11. Entiti hendaklah mempertimbangkan tahap perincian yang diperlukan untuk memenuhi objektif pendedahan dalam perenggan 1 dan sejauh mana penekanan yang perlu diberikan pada setiap keperluan dalam Piawaian ini. Entiti tersebut hendaklah mengumpulkan atau mengasingkan pendedahan supaya maklumat yang berguna tidak dikaburi oleh kemasukan sejumlah besar perincian yang tidak signifikan atau pengumpulan item yang mempunyai ciri yang berbeza (lihat perenggan PA2-PA6).

Pertimbangan dan Andaian Signifikan

12. **Entiti hendaklah mendedahkan metodologi yang digunakan untuk menentukan:**
 - (a) **Bahawa entiti tersebut mempunyai kawalan ke atas entiti lain seperti yang dijelaskan dalam perenggan 18 dan 20 dalam MPSAS 35;**
 - (b) **Bahawa entiti tersebut mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan atau pengaruh signifikan ke atas entiti lain; dan**
 - (c) **Jenis pengaturan bersama (contoh, operasi bersama atau usaha sama) apabila pengaturan telah distrukturkan melalui aturan berasingan.**
13. **Pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 12 hendaklah sama ada diberikan dalam penyata kewangan atau digabungkan dengan rujukan silang daripada penyata kewangan kepada beberapa penyata lain yang tersedia untuk pengguna penyata kewangan dengan terma dan pada masa yang sama dengan penyata kewangan. Tanpa maklumat yang digabungkan dengan rujukan silang, penyata kewangan adalah tidak lengkap. Penggunaan rujukan silang tersebut mungkin tertakluk kepada sekatan perundangan.**
14. **Untuk mematuhi perenggan 12, entiti hendaklah mendedahkan, sebagai contoh, faktor yang dipertimbangkan untuk menentukan bahawa:**
 - (a) **Entiti tersebut mengawal entiti tertentu (atau kategori entiti yang serupa) yang mana kepentingan dalam entiti lain tidak dibuktikan oleh pegangan ekuiti atau instrumen hutang;**
 - (b) **Entiti tersebut tidak mengawal entiti lain (atau kategori entiti) walaupun entiti tersebut memegang lebih daripada separuh hak mengundi entiti lain (atau entiti);**
 - (c) **Entiti tersebut mengawal entiti lain (atau kategori entiti) walaupun entiti tersebut memegang kurang daripada separuh hak mengundi entiti lain (atau entiti);**
 - (d) **Entiti tersebut merupakan agen atau prinsipal (lihat perenggan PA60-PA74 dalam MPSAS 35);**
 - (e) **Entiti tersebut tidak mempunyai pengaruh signifikan walaupun memegang 20 peratus atau lebih hak mengundi entiti lain; dan**
 - (f) **Entiti tersebut mempunyai pengaruh signifikan walaupun memegang kurang daripada 20 peratus hak mengundi entiti lain.**

Status Entiti Pelaburan

15. Apabila entiti mengawal menentukan bahawa entiti tersebut merupakan entiti pelaburan menurut MPSAS 35, entiti pelaburan tersebut hendaklah mendedahkan maklumat mengenai pertimbangan dan andaian signifikan yang telah dibuat untuk menentukan bahawa entiti tersebut merupakan entiti pelaburan. Entiti pelaburan tidak perlu mendedahkan maklumat ini jika entiti tersebut mempunyai semua ciri-ciri dalam perenggan 61 dalam MPSAS 35.
16. Apabila entiti menjadi atau tidak lagi menjadi entiti pelaburan, entiti tersebut hendaklah mendedahkan perubahan status dan sebab-sebab perubahan entiti pelaburan tersebut. Selain itu, entiti yang menjadi entiti pelaburan hendaklah mendedahkan kesan perubahan status pada penyata kewangan untuk tempoh yang dibentangkan, termasuk:
 - (a) Jumlah nilai saksama pada tarikh perubahan status, bagi entiti dikawal yang tidak lagi disatukan;
 - (b) Jumlah laba atau rugi, jika ada, yang dikira menurut perenggan 63 dalam MPSAS 35; dan
 - (c) Butiran dalam lebihan atau kekurangan yang mana laba atau rugi diiktiraf (jika tidak dibentangkan secara berasingan).

Kepentingan dalam Entiti Dikawal

17. Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan disatukan:
 - (a) Untuk memahami:
 - (i) Komposisi entiti ekonomi; dan
 - (ii) Kepentingan yang dimiliki oleh kepentingan bukan kawalan dalam aktiviti dan aliran tunai entiti ekonomi (perenggan 19); dan
 - (b) Untuk menilai:
 - (i) Sifat dan tahap sekatan signifikan terhadap kemampuan untuk mengakses atau menggunakan aset dan menyelesaikan liabiliti entiti ekonomi (perenggan 20);
 - (ii) Sifat perubahan risiko yang berkaitan dengan kepentingan dalam entiti berstruktur disatukan (perenggan 21–24);

- (iii) **Akibat daripada perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam entiti dikawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan (perenggan 25); dan**
 - (iv) **Akibat kehilangan kawalan ke atas entiti dikawal dalam tempoh pelaporan (perenggan 26).**
18. **Apabila penyata kewangan entiti dikawal yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan adalah pada tarikh atau untuk tempoh yang berbeza daripada penyata kewangan disatukan (lihat perenggan 46 dalam MPSAS 35), entiti hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Tarikh akhir tempoh pelaporan penyata kewangan entiti dikawal; dan**
 - (b) **Sebab menggunakan tarikh atau tempoh yang berbeza.**

Kepentingan yang Dimiliki oleh Kepentingan Bukan Kawalan dalam Aktiviti dan Aliran Tunai Entiti Ekonomi

19. **Entiti hendaklah mendedahkan bagi setiap entiti dikawal yang mempunyai kepentingan bukan kawalan yang material bagi entiti pelaporan:**
- (a) **Nama entiti dikawal;**
 - (b) **Mastautin dan bentuk undang-undang entiti dikawal dan bidang kuasa yang mana entiti tersebut beroperasi;**
 - (c) **Perkadaran kepentingan pemilikan yang dipegang oleh kepentingan bukan kawalan;**
 - (d) **Perkadaran hak mengundi yang dipegang oleh kepentingan bukan kawalan, jika berbeza daripada perkadaran kepentingan pemilikan yang dipegang;**
 - (e) **Lebihan atau kurangan yang diperuntukkan kepada kepentingan bukan kawalan bagi entiti dikawal dalam tempoh pelaporan;**
 - (f) **Kepentingan bukan kawalan terkumpul bagi entiti dikawal pada akhir tempoh pelaporan; dan**
 - (g) **Ringkasan maklumat kewangan mengenai entiti dikawal (lihat perenggan PA10).**

Sifat dan Tahap Sekatan Signifikan

20. **Entiti hendaklah mendedahkan:**

- (a) **Sekatan signifikan dalam pengaturan mengikat (contoh, sekatan berkanun, kontrak dan kawal selia) terhadap kemampuan untuk mengakses atau menggunakan aset dan menyelesaikan liabiliti entiti ekonomi seperti:**
 - (i) **Apa-apa yang menyekat kemampuan entiti mengawal atau entiti dikawal untuk memindahkan tunai atau aset lain kepada (atau daripada) entiti lain dalam entiti ekonomi.**
 - (ii) **Jaminan atau keperluan lain yang boleh mengehendkan dividen dan lain-lain pengagihan modal yang dibayar, atau pinjaman dan pendahuluan yang dibuat atau dibayar balik, kepada (atau daripada) entiti lain dalam entiti ekonomi.**
- (b) **Sifat dan tahap yang mana hak perlindungan kepentingan bukan kawalan secara signifikan boleh menyekat kemampuan entiti untuk mengakses atau menggunakan aset dan menyelesaikan liabiliti entiti ekonomi (contoh apabila entiti mengawal wajib menyelesaikan liabiliti entiti dikawal sebelum menyelesaikan liabiliti sendiri, atau kelulusan kepentingan bukan kawalan adalah diperlukan sama ada untuk mengakses aset atau menyelesaikan liabiliti entiti dikawal).**
- (c) **Amaun dibawa dalam penyata kewangan disatukan aset dan liabiliti yang mana penyekatan tersebut digunakan.**

Sifat Risiko yang Berkaitan dengan Kepentingan Entiti dalam Entiti Berstruktur Disatukan

- 21. **Entiti hendaklah mendedahkan terma bagi apa-apa pengaturan mengikat yang mungkin memerlukan entiti mengawal atau entiti dikawal untuk memberikan sokongan kewangan kepada entiti berstruktur disatukan, termasuk peristiwa atau keadaan yang boleh mendedahkan entiti pelaporan kepada kerugian (contoh, pengaturan kecairan atau pencetus penarafan kredit yang berkaitan dengan obligasi untuk membeli aset entiti berstruktur atau memberikan sokongan kewangan).**
- 22. **Jika dalam tempoh pelaporan entiti mengawal atau mana-mana entiti dikawal, tanpa mempunyai obligasi di bawah pengaturan mengikat untuk melakukannya, telah memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur disatukan (contohnya, membeli aset, atau instrumen yang dikeluarkan oleh, entiti berstruktur), entiti tersebut hendaklah mendedahkan:**
 - (a) **Jenis dan amaun sokongan yang diberikan, termasuk situasi yang mana entiti mengawal atau entiti dikawal membantu entiti berstruktur untuk mendapatkan sokongan kewangan; dan**
 - (b) **Sebab-sebab memberikan sokongan.**

23. **Jika dalam tempoh pelaporan, entiti mengawal atau mana-mana entiti dikawal, tanpa mempunyai obligasi di bawah pengaturan mengikat untuk melakukannya, telah memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur yang sebelumnya tidak disatukan dan peruntukan sokongan tersebut menyebabkan entiti tersebut mengawal entiti berstruktur itu, entiti tersebut hendaklah mendedahkan penjelasan mengenai faktor berkenaan untuk mencapai keputusan itu.**
24. **Entiti hendaklah mendedahkan apa-apa niat semasa untuk memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur disatukan, termasuk niat untuk membantu entiti berstruktur tersebut untuk mendapatkan sokongan kewangan.**

Kesan daripada Perubahan Kepentingan Pemilikan Entiti Mengawal dalam Entiti Dikawal yang Tidak Menyebabkan Kehilangan Kawalan

25. **Entiti hendaklah membentangkan jadual yang menunjukkan kesan pada aset bersih/ekuiti yang boleh dikaitkan dengan pemilik entiti mengawal yang disebabkan oleh apa-apa perubahan kepentingan pemilikannya dalam entiti dikawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan.**

Kesan Kehilangan Kawalan ke atas Entiti Dikawal dalam Tempoh Pelaporan

26. **Entiti hendaklah mendedahkan laba atau rugi, jika ada, yang dikira menurut perenggan 52 dalam MPSAS 35 dan:**
 - (a) **Bahagian daripada laba atau rugi tersebut disebabkan pengukuran apa-apa pelaburan yang tertahan dalam entiti dikawal terdahulu pada nilai saksama pada tarikh hilang kawalan; dan**
 - (b) **Butiran dalam lebihan atau kurangan yang mana laba atau rugi diiktiraf (jika tidak dibentangkan secara berasingan).**

Kepentingan dalam Entiti Dikawal Tidak Disatukan (Entiti Pelaburan)

27. **Entiti pelaburan, menurut MPSAS 35 perlu memohon pengecualian untuk penyatuan sebagai ganti mengakaunkan pelaburannya dalam entiti dikawal pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
28. **Untuk setiap entiti dikawal tidak disatukan, entiti pelaburan hendaklah mendedahkan:**
 - (a) **Nama entiti dikawal;**
 - (b) **Mastautin dan bentuk undang-undang entiti dikawal dan bidang kuasa yang mana entiti tersebut beroperasi; dan**
 - (c) **Perkadaran kepentingan pemilikan yang dipegang oleh entiti pelaburan dan, jika berbeza, perkadaran hak mengundi yang dipegang.**

29. Jika sesuatu entiti pelaburan merupakan entiti mengawal entiti pelaburan lain, entiti mengawal tersebut hendaklah juga menyediakan pendedahan dalam perenggan 28(a)–(c) untuk pelaburan yang dikawal oleh entiti pelaburan di bawah kawalannya. Pendedahan tersebut boleh disediakan dengan memasukkan, dalam penyata kewangan entiti mengawal, penyata kewangan entiti dikawal (atau entiti dikawal) yang mengandungi maklumat di atas.
30. Entiti pelaburan hendaklah mendedahkan:
- (a) Sifat dan tahap apa-apa sekatan signifikan yang timbul daripada pengaturan mengikat (contohnya, terhasil daripada pengaturan pinjaman, keperluan kawal selia atau pengaturan kontrak) terhadap kemampuan entiti dikawal tidak disatukan untuk memindahkan dana kepada entiti pelaburan dalam bentuk dividen tunai, atau pengagihan serupa, atau untuk membayar balik pinjaman atau pendahuluan yang dibuat kepada entiti dikawal tidak disatukan oleh entiti pelaburan; dan
 - (b) Apa-apa komitmen atau niat semasa untuk memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti dikawal tidak disatukan, termasuk komitmen atau niat untuk membantu entiti dikawal untuk mendapatkan sokongan kewangan.
31. Jika dalam tempoh pelaporan, entiti pelaburan atau mana-mana daripada entiti dikawalnya tanpa mempunyai obligasi daripada pengaturan mengikat untuk melakukannya, telah memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti dikawal tidak disatukan (contohnya, membeli aset, atau instrumen yang dikeluarkan oleh, entiti dikawal atau membantu entiti dikawal untuk mendapatkan sokongan kewangan), entiti tersebut hendaklah mendedahkan:
- (a) Jenis dan amaun sokongan yang diberikan kepada setiap entiti dikawal tidak disatukan; dan
 - (b) Sebab-sebab memberikan sokongan.
32. Entiti pelaburan hendaklah mendedahkan apa-apa terma pengaturan mengikat yang mungkin memerlukan entiti tersebut atau entiti dikawal tidak disatukannya untuk memberikan sokongan kewangan kepada entiti yang tidak disatukan, dikawal, dan berstruktur termasuk peristiwa atau keadaan yang boleh mendedahkan entiti pelaporan kepada kerugian (contohnya, pengaturan kecairan atau pencetus penarafan kredit yang berkaitan dengan obligasi untuk membeli aset entiti berstruktur atau untuk memberikan sokongan kewangan).
33. Jika dalam tempoh pelaporan entiti pelaburan atau mana-mana daripada entiti dikawal tidak disatukannya, tanpa mempunyai obligasi yang timbul daripada pengaturan mengikat untuk melakukannya, telah memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur tidak disatukan yang tidak dikawal oleh entiti pelaburan, dan jika peruntukan sokongan itu menyebabkan entiti pelaburan mengawal entiti berstruktur tersebut, entiti pelaburan tersebut hendaklah mendedahkan penjelasan mengenai faktor berkenaan untuk mencapai keputusan untuk memberikan sokongan tersebut.

34. **Entiti mengawal yang mengawal entiti pelaburan dan bukan sendirinya entiti pelaburan, hendaklah mendedahkan dalam penyata kewangan disatukannya, maklumat yang diperlukan oleh perenggan 27 hingga 33 berkaitan dengan entiti dikawal tidak disatukan sedemikian.**

Kepentingan dalam Pengaturan Bersama dan Entiti Bersekutu

35. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangannya untuk menilai:**
- (a) **Sifat, tahap dan kesan kewangan kepentingannya dalam pengaturan bersama dan entiti bersekutu, termasuk sifat dan kesan hubungan dengan pelabur lain yang mempunyai kawalan bersama, atau pengaruh signifikan terhadap pengaturan bersama dan entiti bersekutu (perenggan 36 dan 38); dan**
 - (b) **Sifat dan perubahan risiko yang berkaitan dengan kepentingannya dalam usaha sama dan entiti bersekutu (perenggan 39).**

Sifat, Tahap dan Kesan Kewangan Kepentingan Entiti dalam Pengaturan Bersama dan Entiti Bersekutu

36. **Entiti hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Untuk setiap pengaturan bersama dan entiti bersekutu yang material bagi entiti pelaporan:**
 - (i) **Nama pengaturan bersama atau entiti bersekutu;**
 - (ii) **Sifat hubungan entiti dengan pengaturan bersama atau entiti bersekutu (contohnya, menerangkan sifat aktiviti pengaturan bersama atau entiti bersekutu dan sama ada sifat tersebut adalah strategik untuk aktiviti entiti);**
 - (iii) **Mastautin dan bentuk undang-undang pengaturan bersama atau entiti bersekutu dan bidang kuasa yang mana entiti tersebut beroperasi; dan**
 - (iv) **Perkadaran kepentingan pemilikan atau saham sertaan yang dipegang oleh entiti dan, jika berbeza, perkadaran hak mengundi yang dipegang (jika berkenaan).**
 - (b) **Untuk setiap usaha sama dan entiti bersekutu yang material bagi entiti pelaporan:**
 - (i) **Sama ada pelaburan dalam usaha sama atau entiti bersekutu diukur menggunakan kaedah ekuiti atau pada nilai saksama;**

- (ii) Ringkasan maklumat kewangan mengenai usaha sama atau entiti bersekutu seperti yang dinyatakan dalam perenggan PA12 dan PA13; dan
 - (iii) Jika usaha sama atau entiti bersekutu diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti, nilai saksama pelaburannya dalam usaha sama atau entiti bersekutu, jika terdapat harga pasaran disebut untuk pelaburan tersebut.
 - (c) Maklumat kewangan seperti yang dinyatakan dalam perenggan PA16 mengenai pelaburan entiti dalam usaha sama dan entiti bersekutu yang tidak material secara individu:
 - (i) Secara agregat untuk semua usaha sama yang tidak material secara individu; dan
 - (ii) Secara agregat untuk semua entiti bersekutu yang tidak material secara individu. Maklumat agregat ini perlu didedahkan secara berasingan daripada maklumat agregat mengenai usaha sama.
37. Entiti pelaburan tidak perlu menyediakan pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 36(b)–36(c).
38. Entiti hendaklah juga mendedahkan:
- (a) Sifat dan tahap apa-apa sekatan signifikan (contohnya, yang terhasil daripada pengaturan pinjaman, keperluan kawal selia atau pengaturan mengikat antara pelabur yang mempunyai kawalan bersama, atau pengaruh signifikan terhadap usaha sama atau entiti bersekutu) ke atas kemampuan usaha sama atau entiti bersekutu untuk memindahkan dana kepada entiti dalam bentuk dividen tunai atau pengagihan serupa, atau untuk membayar balik pinjaman atau pendahuluan yang dibuat oleh entiti.
 - (b) Apabila penyata kewangan usaha sama atau entiti bersekutu yang digunakan untuk menggunakan kaedah ekuiti adalah pada tarikh atau untuk tempoh yang berbeza daripada entiti:
 - (i) Tarikh akhir tempoh pelaporan penyata kewangan usaha sama atau entiti bersekutu tersebut; dan
 - (ii) Sebab menggunakan tarikh atau tempoh yang berbeza.
 - (c) Pembahagian kerugian yang tidak diiktiraf bagi dalam usaha sama atau entiti bersekutu, untuk kedua-duanya tempoh pelaporan dan secara terkumpul, jika entiti tidak lagi mengiktiraf bahagian kerugian dalam usaha sama atau entiti bersekutu tersebut apabila menggunakan kaedah ekuiti.

Risiko yang Berkaitan dengan Kepentingan Entiti dalam Usaha Sama dan Entiti Bersekutu

39. Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) **Komitmen yang dimiliki berkaitan dengan usaha sama secara berasingan daripada amaun komitmen lain seperti yang dinyatakan dalam perenggan PA17-PA19; dan**
- (b) **Menurut MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*, melainkan kebarangkalian kerugian adalah tipis, liabiliti luar jangka ditanggung yang berkaitan dengan kepentingannya dalam usaha sama atau entiti bersekutu (termasuk bahagian liabiliti luar jangkanya yang ditanggung bersama dengan pelabur lain yang mempunyai kawalan bersama, atau pengaruh signifikan jangka lain.**

Kepentingan dalam Entiti Berstruktur yang Tidak Disatukan

40. Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan:

- (a) **Untuk memahami sifat dan tahap kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan (perenggan 43–45); dan**
- (b) **Untuk menilai sifat dan perubahan risiko yang berkaitan dengan kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan (perenggan 46–48).**

41. Maklumat yang diperlukan oleh perenggan 40(b) termasuk maklumat mengenai pendedahan entiti kepada risiko daripada penglibatan dengan entiti berstruktur yang tidak disatukan dalam tempoh sebelumnya (contoh, menaja entiti berstruktur), walaupun jika entiti tidak lagi mempunyai apa-apa penglibatan melalui cara pengaturann mengikat dengan entiti berstruktur tersebut pada tarikh pelaporan.

42. Entiti pelaburan tidak perlu menyediakan pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 40 untuk entiti berstruktur yang dikawal tetapi tidak disatukan dan yang mana entiti pelaburan tersebut membentangkan pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 27–33.

Sifat Kepentingan

43. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat kualitatif dan kuantitatif mengenai kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sifat, tujuan, saiz dan aktiviti entiti berstruktur tersebut serta bagaimana entiti berstruktur tersebut dibiayai.**

44. **Jika entiti telah menaja entiti berstruktur yang tidak disatukan yang mana entiti tersebut tidak menyediakan maklumat yang diperlukan oleh perenggan 46 (contoh, kerana entiti tidak memiliki kepentingan dalam entiti berstruktur tersebut pada tarikh pelaporan), entiti tersebut hendaklah mendedahkan:**

- (a) **Bagaimana entiti tersebut menentukan entiti berstruktur mana yang ditaja;**
 - (b) **Hasil daripada entiti berstruktur tersebut dalam tempoh pelaporan, termasuk penerangan mengenai jenis hasil yang dibentangkan; dan**
 - (c) **Amaun dibawa (pada masa pindahan) untuk semua aset yang dipindahkan kepada entiti berstruktur tersebut dalam tempoh pelaporan.**
45. **Entiti hendaklah membentangkan maklumat dalam perenggan 44(b) dan (c) dalam format jadual, melainkan format yang lain adalah lebih sesuai; dan mengklasifikasikan aktiviti penajaannya ke dalam kategori yang berkaitan (lihat perenggan PA2-PA6).**

Sifat Risiko

46. **Entiti hendaklah mendedahkan dalam format jadual, melainkan format yang lain adalah lebih sesuai, ringkasan bagi:**
- (a) **Amaun dibawa aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan yang berkaitan dengan kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan;**
 - (b) **Butiran dalam penyata kedudukan kewangan yang mana aset dan liabiliti tersebut diiktiraf;**
 - (c) **Amaun yang paling menggambarkan pendedahan maksimum entiti terhadap rugi daripada kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan, termasuk bagaimana pendedahan maksimum terhadap rugi tersebut ditentukan. Jika entiti tidak dapat mengukur pendedahan maksimum terhadap rugi daripada kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan entiti tersebut hendaklah mendedahkan fakta tersebut berserta alasan; dan**
 - (d) **Perbandingan amaun dibawa bagi aset dan liabiliti entiti yang berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan dan pendedahan maksimum entiti tersebut terhadap rugi daripada entiti berstruktur tersebut.**
47. **Jika dalam tempoh pelaporan, entiti tanpa mempunyai obligasi di bawah pengaturan mengikat untuk melakukannya, telah memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur yang tidak disatukan yang mana entiti tersebut sebelumnya atau pada masa ini mempunyai kepentingan (sebagai contoh, membeli aset atau instrumen yang dikeluarkan oleh entiti berstruktur), entiti tersebut hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Jenis dan amaun sokongan yang diberikan, termasuk situasi yang mana entiti membantu entiti berstruktur untuk mendapatkan sokongan kewangan; dan**
 - (b) **Sebab-sebab memberikan sokongan.**

48. **Entiti hendaklah mendedahkan apa-apa niat semasa untuk memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur yang tidak disatukan, termasuk niat untuk membantu entiti berstruktur tersebut untuk mendapatkan sokongan kewangan. Niat semasa sedemikian termasuk niat untuk memberikan sokongan yang terhasil daripada obligasi di bawah pengaturan mengikat dan niat untuk memberikan sokongan apabila entiti tidak mempunyai obligasi di bawah pengaturan mengikat.**

Kepentingan Pemilikan yang Tidak Dapat Diukur

49. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan untuk memahami sifat dan tahap apa-apa kepentingan pemilikan yang tidak dapat diukur dalam entiti lain.**
50. **Setakat mana maklumat ini belum disediakan menurut Piawaian ini, entiti hendaklah mendedahkan berkaitan dengan setiap kepentingan pemilikan yang tidak dapat diukur yang material bagi entiti pelaporan:**
- (a) **Nama entiti yang mana entiti tersebut mempunyai kepentingan pemilikan; dan**
 - (b) **Sifat kepentingan pemilikan dalam entiti tersebut.**

Kepentingan Kawalan yang Diperoleh dengan Niat Pelupusan

51. **Entiti selain daripada entiti pelaburan hendaklah mendedahkan maklumat mengenai kepentingan dalam entiti dikawal apabila, pada titik wujud kawalan, entiti tersebut mempunyai niat untuk melupuskan kepentingan tersebut dan pada tarikh pelaporan entiti tersebut mempunyai niat yang jelas untuk melupuskan kepentingan tersebut.**
52. Terdapat beberapa situasi yang mana entiti sektor awam mungkin memperoleh kawalan ke atas entiti lain, tetapi entiti tersebut mempunyai niat yang jelas untuk melupuskan semua atau sebahagian daripada kepentingan kawalan dalam masa terdekat.
53. Memandangkan kerajaan mempunyai tanggungjawab yang luas terhadap kesejahteraan ekonomi bagi suatu bidang kuasa, kerajaan boleh campur tangan untuk mengelakkan kegagalan suatu entiti, misalnya institusi kewangan. Campur tangan sedemikian boleh menyebabkan kerajaan memperoleh kawalan ke atas entiti lain, walaupun kerajaan tidak mempunyai niat untuk mengekalkan kawalan ke atas entiti tersebut. Sebaliknya, jika kerajaan mempunyai niat untuk menjual atau melupuskan untuk kepentingan dalam entiti dikawal tersebut. Jika entiti lain perlu distruktur semula untuk memudahkan pelupusan, penstrukturan semula boleh berlaku dalam tempoh satu tahun atau lebih dan kerajaan boleh mengekalkan sebahagian daripada baki aset atau liabiliti pada akhir proses. Penyatuan entiti dikawal sedemikian untuk tempoh pelaporan yang mana terdapat kawalan, boleh memberi kesan signifikan ke atas penyata kewangan disatukan. Pemerolehan kawalan yang terhasil daripada campur tangan untuk mengelakkan kegagalan

kemungkinan besar akan berlaku dalam konteks kerajaan, tetapi boleh juga berlaku dalam kes entiti sektor awam individu.

54. Entiti sektor awam mungkin juga memperoleh kepentingan kawalan dalam entiti lain dengan niat untuk melupuskan semua atau sebahagian daripada kepentingan tersebut semasa melaksanakan objektif dasar kerajaan. Sebagai contoh, kerajaan boleh mengarahkan suatu entiti untuk memperoleh kepentingan tertentu dalam entiti lain untuk tujuan pengagihan semula.
55. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat berikut dalam nota berkaitan dengan setiap entiti dikawal yang dirujuk dalam perenggan 51:**
- (a) **Nama entiti dikawal dan penerangan mengenai aktiviti utamanya;**
 - (b) **Rasional bagi pemerolehan kepentingan kawalan tersebut dan faktor yang dipertimbangkan untuk menentukan bahawa kawalan tersebut wujud;**
 - (c) **Impak pada penyata kewangan disatukan selepas menyatukan entiti dikawal termasuk kesan ke atas aset, liabiliti, hasil, belanja dan aset/ekuiti bersih; dan**
 - (d) **Status terkini pendekatan pelupusan termasuk jangkaan kaedah dan tempoh masa pelupusan.**
56. **Pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 55 hendaklah disediakan pada setiap tarikh pelaporan sehingga entiti melupuskan kepentingan kawalan atau tidak lagi mempunyai niat untuk melupuskan kepentingan tersebut. Dalam tempoh yang mana entiti melupuskan kepentingan kawalan atau tidak lagi mempunyai niat untuk melupuskan kepentingan kawalan, entiti tersebut hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Fakta bahawa terdapat pelupusan atau perubahan niat, dan**
 - (b) **Kesan pelupusan atau perubahan niat ke atas penyata kewangan disatukan.**
57. **Apabila pendedahan lain yang diperlukan oleh Piawaian ini atau MPSAS lain akan menyediakan maklumat yang berkaitan dengan perenggan 55 atau 56, rujukan silang untuk pendedahan lain tersebut hendaklah disediakan.**

Peruntukan Peralihan

58. Entiti digalakkan untuk menyediakan maklumat yang diperlukan oleh Piawaian ini lebih awal daripada tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Menyediakan sesetengah daripada pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian ini tidak mewajibkan entiti untuk mematuhi semua keperluan Piawaian ini atau untuk mengguna pakai MPSAS 34, MPSAS 35, MPSAS 36, dan MPSAS 37 lebih awal.

59. Keperluan pendedahan Piawaian ini tidak perlu diguna pakai untuk apa-apa tempoh dibentangkan yang bermula sebelum tempoh tahunan terdekat sebelum tempoh tahunan pertama yang mana Piawaian ini diguna pakai.
60. Keperluan pendedahan dalam perenggan 40–56 dan panduan yang sepadan dalam perenggan PA20-PA25 Piawaian ini tidak perlu diguna pakai untuk apa-apa tempoh dibentangkan yang bermula sebelum tempoh tahunan pertama yang mana Piawaian ini diguna pakai.

Tarikh Kuat Kuasa

61. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan.**
62. Apabila entiti menggunakan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Berasaskan Akruan*, untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini diguna pakai untuk penyata kewangan tahunan entiti tersebut yang merangkumi tempoh bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

Lampiran A

Panduan Aplikasi

Lampiran ini adalah bahagian penting dalam MPSAS 38.

PA1. Contoh-contoh dalam lampiran ini menggambarkan situasi hipotesis. Walaupun sesetengah aspek contoh-contoh tersebut mungkin wujud dalam corak fakta sebenar, semua fakta dan keadaan yang berkaitan dengan corak fakta tertentu perlu dinilai apabila menggunakan piawaian ini.

Pengagregatan (perenggan 11)

PA2. Entiti hendaklah menentukan, berdasarkan keadaan berapa banyak perincian yang entiti perlu sediakan untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna, berapa banyak penekanan yang entiti berikan bagi aspek keperluan yang berbeza dan bagaimana entiti mengagregatkan maklumat. Entiti perlu mencapai keseimbangan antara membebaskan penyata kewangan dengan perincian yang berlebihan yang mungkin tidak dapat membantu pengguna penyata kewangan dan mengaburkan maklumat berikutan terlalu banyak pengagregatan.

PA3. Entiti boleh mengagregatkan pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian ini untuk kepentingan dalam entiti yang serupa jika pengagregatan adalah konsisten dengan objektif pendedahan dan keperluan dalam perenggan PA4, dan tidak mengaburkan maklumat yang disediakan. Entiti hendaklah mendedahkan bagaimana kepentingan dalam entiti yang serupa diagregatkan.

PA4. Entiti hendaklah membentangkan maklumat secara berasingan untuk kepentingan dalam:

- (a) Entiti dikawal;
- (b) Usaha sama;
- (c) Operasi bersama;
- (d) Entiti bersekutu; dan
- (e) Entiti berstruktur yang tidak disatukan.

PA5. Dalam menentukan sama ada untuk mengagregatkan maklumat, entiti hendaklah mempertimbangkan maklumat kuantitatif dan kualitatif mengenai ciri risiko dan manfaat yang berbeza bagi setiap entiti yang dipertimbangkan untuk pengagregatan dan kepentingan setiap entiti tersebut kepada entiti pelaporan. Entiti hendaklah membentangkan pendedahan secara jelas kepada pengguna penyata kewangan mengenai sifat dan tahap kepentingan dalam entiti yang lain.

- PA6. Contoh-contoh tahap pengagregatan dalam kelas entiti yang dinyatakan dalam perenggan PA4 yang mungkin sesuai ialah:
- (a) Sifat aktiviti (contohnya, entiti penyelidikan dan pembangunan, entiti penselidikan kad kredit pusingan).
 - (b) Klasifikasi industri.
 - (c) Geografi (contohnya, negara atau wilayah).

Kepentingan dalam Entiti Lain

- PA7. Kepentingan dalam entiti lain merujuk kepada penglibatan dengan cara pengaturan mengikat atau yang mendedahkan entiti pelaporan kepada kebolehubahan manfaat daripada prestasi entiti lain. Pertimbangan mengenai tujuan dan reka bentuk entiti lain dapat membantu entiti pelaporan apabila menilai sama ada mempunyai kepentingan dalam entiti lain tersebut dan oleh itu, entiti pelaporan perlu menyediakan pendedahan dalam Piawaian ini. Penilaian tersebut hendaklah mengambil kira pertimbangan mengenai risiko bagi reka bentuk entiti lain dan risiko bagi reka bentuk entiti lain yang diserahkan kepada entiti pelaporan dan pihak lain.
- PA8. Entiti pelaporan biasanya terdedah kepada kebolehubahan manfaat daripada prestasi entiti lain dengan memegang instrumen (seperti instrumen ekuiti atau hutang yang dikeluarkan oleh entiti lain) atau mempunyai penglibatan lain yang menyerap kebolehubahan tersebut. Sebagai contoh, andaikan suatu entiti berstruktur memegang satu portfolio pinjaman. Entiti berstruktur memperoleh swap mungkir kredit daripada entiti lain (entiti pelaporan) untuk melindungi entiti berstruktur tersebut daripada mungkir pembayaran faedah dan pokok pinjaman. Entiti pelaporan mempunyai penglibatan yang mendedahkan kebolehubahan manfaat daripada prestasi entiti berstruktur kerana swap mungkir kredit menyerap kebolehubahan manfaat, dalam bentuk pulangan, daripada entiti berstruktur tersebut.
- PA9. Seseengah instrumen direka bentuk untuk memindahkan risiko daripada entiti pelaporan kepada entiti lain. Instrumen sedemikian mewujudkan kebolehubahan manfaat untuk entiti lain tetapi biasanya tidak mendedahkan entiti pelaporan kepada kebolehubahan manfaat daripada prestasi entiti lain. Sebagai contoh, andaikan entiti berstruktur ditubuhkan untuk memberi peluang pelaburan kepada pelabur yang bersedia menerima risiko kredit entiti Z (entiti Z tidak berkaitan dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam pengaturan tersebut). Entiti berstruktur tersebut memperoleh dana dengan mengeluarkan nota yang berkaitan dengan risiko kredit entiti Z (nota berkaitan kredit) kepada pelabur dan menggunakan hasil untuk melabur dalam portfolio aset kewangan bebas risiko. Entiti berstruktur tersebut memperoleh pendedahan kepada risiko kredit entiti Z dengan melakukan swap mungkir kredit (*Credit Default Swap-CDS*) dengan pihak berlawanan swap. CDS menyerahkan risiko kredit entiti Z kepada entiti berstruktur tersebut sebagai imbalan bagi yuran yang dibayar oleh pihak berlawanan swap. Pelabur dalam entiti berstruktur tersebut menerima manfaat yang lebih tinggi yang merangkumi kedua-dua pulangan entiti berstruktur tersebut daripada portfolio aset dan yuran CDS. Pihak berlawanan swap tidak

mempunyai penglibatan dengan entiti berstruktur tersebut yang mendedahkannya kepada kebolehubahan manfaat daripada prestasi entiti berstruktur itu kerana CDS memindahkan kebolehubahan kepada entiti berstruktur, bukannya menerima kebolehubahan manfaat entiti berstruktur.

Ringkasan Maklumat Kewangan untuk Entiti Dikawal, Usaha Sama dan Entiti Bersekutu (perenggan 19 dan 36)

PA10. Untuk setiap entiti dikawal yang mempunyai kepentingan bukan kawalan yang material bagi entiti pelaporan, entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) Dividen atau pengagihan serupa yang dibayar kepada kepentingan bukan kawalan; dan
- (b) Ringkasan maklumat kewangan berkaitan aset, liabiliti, lebihan atau kekurangan dan aliran tunai entiti dikawal yang membolehkan pengguna untuk memahami manfaat yang dimiliki oleh kepentingan bukan kawalan dalam aktiviti dan aliran tunai entiti ekonomi. Maklumat tersebut mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, contohnya, aset semasa, aset bukan semasa, liabiliti semasa, liabiliti bukan semasa, hasil dan lebihan atau kekurangan.

PA11. Ringkasan maklumat kewangan yang diperlukan oleh perenggan PA10(b) adalah amaun sebelum penyingkiran antara entiti.

PA12. Untuk setiap usaha sama dan entiti bersekutu yang material bagi entiti pelaporan, entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) Dividen atau pengagihan serupa yang diterima daripada usaha sama atau entiti bersekutu; dan
- (b) Ringkasan maklumat kewangan untuk usaha sama atau entiti bersekutu (lihat perenggan PA14 dan PA15) termasuk, tetapi tidak semestinya terhad kepada:
 - (i) Aset semasa;
 - (ii) Aset bukan semasa;
 - (iii) Liabiliti semasa;
 - (iv) Liabiliti bukan semasa;
 - (v) Hasil;
 - (vi) Belanja cukai;
 - (vii) Laba atau rugi sebelum cukai yang diiktiraf semasa pelupusan aset atau penyelesaian liabiliti yang disebabkan pemberhentian operasi; dan

(viii) Lebihan atau kurangan.

PA13. Sebagai tambahan ringkasan maklumat kewangan yang diperlukan oleh perenggan PA12, entiti hendaklah mendedahkan untuk setiap usaha sama yang material bagi entiti pelaporan amaun:

- (a) Tunai dan kesetaraan tunai yang termasuk dalam perenggan PA12(b)(i);
- (b) Liabiliti kewangan semasa (tidak termasuk cukai dan pindahan belum bayar, belum bayar di bawah urus niaga pertukaran dan peruntukan) yang termasuk dalam perenggan PA12(b)(iii);
- (c) Liabiliti kewangan bukan semasa (tidak termasuk cukai dan pindahan belum bayar, belum bayar di bawah urus niaga pertukaran dan peruntukan) yang termasuk dalam perenggan PA12(b)(iv);
- (d) Susut nilai dan pelunasan;
- (e) Hasil faedah;
- (f) Belanja faedah; dan
- (g) Belanja cukai pendapatan.

PA14. Ringkasan maklumat kewangan yang dibentangkan dalam perenggan PA12 dan PA13 adalah amaun yang termasuk dalam penyata kewangan MPSAS usaha sama atau entiti bersekutu (dan bukan bahagian entiti daripada amaun tersebut). Jika entiti mengakaunkan kepentingannya dalam usaha sama atau entiti bersekutu menggunakan kaedah ekuiti:

- (a) Amaun yang termasuk dalam penyata kewangan MPSAS usaha sama atau entiti bersekutu hendaklah diselaraskan untuk menunjukkan pelarasan yang dibuat oleh entiti apabila menggunakan kaedah ekuiti, seperti pelarasan nilai saksama yang dibuat pada masa pemerolehan dan pelarasan untuk perbezaan dalam dasar perakaunan.
- (b) Entiti hendaklah menyediakan penyesuaian ringkasan maklumat kewangan yang dibentangkan dengan amaun dibawa kepentingan dalam usaha sama atau entiti bersekutu.

PA15. Entiti boleh membentangkan ringkasan maklumat kewangan yang diperlukan oleh perenggan PA12 dan PA13 berdasarkan penyata kewangan usaha sama atau entiti bersekutu jika:

- (a) Entiti mengukur kepentingan dalam usaha sama atau entiti bersekutu pada nilai saksama menurut MPSAS 36; dan

- (b) Usaha sama atau entiti bersekutu tidak menyediakan penyata kewangan MPSAS dan penyediaan pada asas tersebut tidak akan dapat dilaksanakan atau yang menyebabkan kos tidak wajar.
- (c) Oleh yang demikian, entiti hendaklah mendedahkan asas yang mana ringkasan maklumat kewangan telah disediakan.

PA16. Entiti hendaklah mendedahkan, secara agregat, amaun dibawa berkaitan kepentingannya dalam semua usaha sama atau entiti bersekutu yang tidak material setiap satu diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti. Entiti hendaklah juga mendedahkan secara berasingan amaun agregat bahagiannya dalam usaha sama atau entiti bersekutu tersebut:

- (a) Hasil.
- (b) Belanja cukai.
- (c) Laba atau rugi sebelum cukai yang diiktiraf semasa pelupusan aset atau penyelesaian liabiliti yang disebabkan pemberhentian operasi.
- (d) Lebihan atau kekurangan.
- (e) Entiti menyediakan pendedahan secara berasingan untuk usaha sama dan entiti bersekutu.

Komitmen untuk Usaha Sama (perenggan 39(a))

PA17. Entiti hendaklah mendedahkan jumlah komitmen yang telah dibuatnya tetapi tidak diiktiraf pada tarikh pelaporan (termasuk bahagian komitmennya yang dibuat bersama dengan pelabur lain yang mempunyai kawalan bersama ke atas usaha sama) yang berkaitan dengan kepentingannya dalam usaha sama. Komitmen ialah perkara yang dapat menyebabkan aliran keluar tunai atau sumber lain pada masa hadapan.

PA18. Komitmen tidak diiktiraf yang dapat menyebabkan aliran keluar tunai atau sumber lain pada masa hadapan termasuk:

- (a) Komitmen tidak diiktiraf untuk menyumbang dana atau sumber yang disebabkan daripada, sebagai contoh:
 - (i) Penubuhan atau perjanjian pemerolehan usaha sama (sebagai contoh, yang menghendaki entiti untuk menyumbang dana dalam jangka masa tertentu).
 - (ii) Projek berintensifkan modal yang dijalankan oleh usaha sama.
 - (iii) Obligasi pembelian tanpa syarat, yang terdiri daripada perolehan peralatan, inventori atau perkhidmatan yang mengikat entiti untuk membeli daripada, atau bagi pihak usaha sama.

- (iv) Komitmen tidak diiktiraf untuk memberikan pinjaman atau sokongan kewangan lain kepada usaha sama.
 - (v) Komitmen tidak diiktiraf untuk menyumbang sumber kepada usaha sama, seperti aset atau perkhidmatan.
 - (vi) Lain-lain komitmen tidak diiktiraf yang tidak boleh dibatalkan berkaitan dengan usaha sama.
- (b) Komitmen tidak diiktiraf untuk memperoleh kepentingan pemilikan pihak lain (atau sebahagian daripada kepentingan pemilikan tersebut) dalam usaha sama jika suatu peristiwa tertentu berlaku atau tidak berlaku pada masa hadapan.

PA19. Keperluan dan contoh dalam perenggan PA17 dan PA18 menggambarkan beberapa jenis pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 27 dalam MPSAS 20, *Pendedahan Pihak Berkaitan*.

Kepentingan dalam Entiti Berstruktur yang Tidak Disatukan (perenggan 40–48)

Entiti Berstruktur

PA20. Entiti berstruktur ialah entiti yang telah direka bentuk mengikut cara konvensional yang mana entiti dikawal adalah bukan faktor utama untuk menentukan pihak yang mengawal entiti. Dalam kes entiti seperti jabatan atau kementerian yang mana pengaturan pentadbiran atau undang-undang biasanya adalah faktor utama untuk menentukan pihak yang mengawal entiti, entiti berstruktur ialah entiti yang telah direka bentuk supaya pengaturan pentadbiran atau undang-undang adalah bukan faktor utama untuk menentukan pihak yang mengawal entiti. Dalam kes entiti yang mana hak mengundi atau hak yang sama biasanya merupakan faktor utama untuk menentukan pihak yang mengawal entiti (berkemungkinan bagi sesetengah entiti dengan objektif keuntungan), entiti berstruktur ialah entiti yang telah direka bentuk supaya hak mengundi atau hak yang sama bukan faktor utama untuk menentukan pihak yang mengawal entiti. Walaupun pengaturan mengikat kerap berlaku antara entiti sektor awam, pengaturan mengikat biasanya bukan faktor utama untuk menentukan pihak yang mengawal entiti. Oleh itu penggunaan pengaturan mengikat untuk menentukan aktiviti berkaitan sesuatu entiti mungkin menunjukkan kewujudan entiti berstruktur. Bergantung pada konteks, entiti berstruktur mungkin (i) entiti yang kebanyakan aktiviti telah ditentukan, dengan aktiviti berkaitan terhad dalam skop tetapi dikawal melalui pengaturan mengikat atau (ii) entiti yang apa-apa hak mengundi berkaitan hanya dengan tugas pentadbiran dan aktiviti berkaitan dikawal melalui pengaturan mengikat.

PA21. Entiti berstruktur selalunya mempunyai beberapa atau semua ciri atau sifat berikut:

- (a) Aktiviti yang terhad.

- (b) Objektif yang terbatas dan jelas, seperti untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, menyediakan sumber modal atau dana kepada entiti atau menyediakan peluang pelaburan kepada pelabur dengan menyerahkan risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan aset entiti berstruktur kepada pelabur.
- (c) Aset bersih/ekuiti yang tidak mencukupi untuk membolehkan entiti berstruktur membiayai aktivitinya tanpa sokongan kewangan subordinat.
- (d) Pembiayaan dalam bentuk pelbagai instrumen yang berkait secara kontrak kepada pelabur yang mewujudkan tumpuan kredit atau risiko lain (tranche).

PA22. Contoh-contoh entiti yang dianggap sebagai entiti berstruktur termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Perkongsian antara kerajaan dan entiti sektor swasta yang bukan usaha sama, merupakan perkongsian yang ditubuhkan dan dikawal melalui pengaturann mengikat.
- (b) Pembawa pensekuritian.
- (c) Pembiayaan bersandarkan aset.
- (d) Sejumlah dana pelaburan.

PA23. Fakta bahawa kerajaan menyediakan dana kepada entiti lain tidak menjadikan entiti tersebut sebagai entiti berstruktur. Mahupun, entiti yang dikawal melalui hak mengundi sebuah entiti berstruktur hanya kerana, sebagai contoh, entiti dikawal tersebut menerima dana daripada pihak ketiga berikutan penstrukturan semula.

Sifat Risiko daripada Kepentingan dalam Entiti Berstruktur yang Tidak Disatukan (perenggan 46–48)

PA24. Selain maklumat yang diperlukan oleh perenggan 46–48, entiti hendaklah mendedahkan maklumat tambahan yang diperlukan untuk memenuhi objektif pendedahan dalam perenggan 40(b).

PA25. Contoh maklumat tambahan bergantung pada keadaan, mungkin berkaitan dengan penilaian risiko yang mana entiti terdedah kepadanya apabila entiti mempunyai kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan adalah:

- (a) Terma pengaturann yang mungkin memerlukan entiti untuk memberikan sokongan kewangan kepada entiti berstruktur yang tidak disatukan (contohnya, pengaturann kecairan atau pencetus penarafann kredit yang berkaitan dengan obligasi untuk membeli aset entiti berstruktur atau memberikan sokongan kewangan), termasuk:

- (i) Penerangan mengenai peristiwa atau keadaan yang boleh mendedahkan entiti pelaporan kepada kerugian.
 - (ii) Sama ada terdapat apa-apa terma yang akan mengehendkan obligasi tersebut.
 - (iii) Sama ada terdapat mana-mana pihak lain yang memberikan sokongan kewangan dan, jika ada, bagaimana obligasi entiti pelaporan berperingkat dengan obligasi pihak lain.
- (b) Kerugian ditanggung oleh entiti dalam tempoh pelaporan yang berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan.
 - (c) Jenis hasil yang entiti terima dalam tempoh pelaporan daripada kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan.
 - (d) Sama ada entiti diperlukan untuk menyerap kerugian entiti berstruktur yang tidak disatukan sebelum pihak lain, had maksimum kerugian sedemikian untuk entiti, dan (jika berkaitan) kedudukan dan amaun potensi kerugian yang ditanggung oleh pihak yang kedudukan kepentingan mereka lebih rendah daripada kepentingan entiti dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan.
 - (e) Maklumat mengenai apa-apa pengaturan kecairan, jaminan atau komitmen lain dengan pihak ketiga yang mungkin menjejaskan nilai saksama atau risiko kepentingan entiti dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan.
 - (f) Sebarang kesulitan yang telah dihadapi oleh entiti berstruktur yang tidak disatukan dalam pembiayaan aktiviti dalam tempoh pelaporan.
 - (g) Berkaitan dengan pembiayaan entiti berstruktur yang tidak disatukan, bentuk pembiayaan (contohnya, kertas komersial atau nota jangka sederhana) dan hayat purata berwajaran entiti. Maklumat tersebut mungkin termasuk analisis kematangan aset dan pembiayaan entiti berstruktur jika entiti berstruktur tersebut mempunyai aset jangka panjang yang dibiayai oleh pembiayaan jangka pendek.

Lampiran B

Pindaan kepada MPSAS Lain

MPSAS 1, Pembentangan Penyata Kewangan

Perenggan 134 dan 139 dipinda dan perenggan 153E ditambah seperti berikut:

134. Semasa menentukan sama ada dasar perakaunan tertentu harus didedahkan, pengurusan mempertimbangkan sama ada pendedahan akan membantu pengguna untuk memahami bagaimana urus niaga, peristiwa lain, dan keadaan ditunjukkan dalam prestasi kewangan dan kedudukan kewangan yang dilaporkan. Pendedahan dasar perakaunan tertentu adalah sangat berguna terutamanya untuk pengguna apabila dasar tersebut dipilih daripada alternatif yang dibenarkan dalam MPSAS. Contohnya ialah pendedahan sama ada entiti menggunakan nilai saksama atau model kos untuk hartanah pelaburannya (lihat MPSAS 16, *Hartanah Pelaburan*) ~~pengusaha niaga mengiktiraf kepentingannya dalam entiti dikawal bersama menggunakan penyatuan berkadar atau kaedah ekuiti (lihat MPSAS 8, *Kepentingan dalam Usaha Sama*.) ...~~
139. Sesetengah pendedahan yang dibuat menurut perenggan 137 diperlukan oleh MPSAS lain. Sebagai contoh, MPSAS 38, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain*, memerlukan entiti untuk mendedahkan pertimbangan yang telah dibuatnya untuk menentukan sama ada entiti tersebut mengawal entiti lain ~~MPSAS 6 memerlukan entiti untuk mendedahkan sebab mengapa kepentingan pemilikannya tidak membentuk kawalan, berkaitan dengan penerima pelaburan yang bukan entiti dikawal, walaupun lebih daripada separuh daripada kuasa undi atau potensi kuasa undinya dimiliki secara langsung atau tidak langsung melalui entiti dikawal. MPSAS 16, *Hartanah Pelaburan*, memerlukan pendedahan mengenai kriteria yang dibangunkan oleh entiti untuk membezakan hartanah pelaburan daripada hartanah diduduki sendiri, dan daripada hartanah yang dipegang untuk dijual dalam urusan biasa perniagaan, apabila klasifikasi hartanah tersebut adalah sukar.~~

153E. MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MPSAS 38 dikeluarkan pada bulan Januari 2017, perenggan 4, 12, 88(n), 95(d), 97, 103, 118, 134, 135 dan 139 dipinda. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 38.

MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan

Perenggan PA6 dipinda dan perenggan 52A ditambah seperti berikut:

- PA6. Pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 38–49 hendaklah sama ada diberikan dalam penyata kewangan atau disertakan bersekali dengan rujukan silang daripada penyata kewangan kepada beberapa penyata lain, seperti ulasan pengurusan atau laporan risiko, yang tersedia untuk pengguna penyata kewangan dengan terma yang sama seperti penyata kewangan dan pada masa yang sama. Tanpa maklumat yang disertakan bersekali dengan rujukan silang, penyata kewangan

adalah tidak lengkap. Penggunaan rujukan silang sedemikian mungkin tertakluk kepada sekatan bidang kuasa.

52A. MPSAS 35, MPSAS 37, Pengaturan Bersama, dan MPSAS 38, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain, dikeluarkan pada bulan Januari 2017, perenggan 3(a) dan PA6 dipinda. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35, MPSAS 37 dan MPSAS 38.

Perbandingan dengan IPSAS 38

MPSAS 38, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain* diambil terutamanya daripada IPSAS 38. Perbezaan utama antara MPSAS 38 dan IPSAS 38 adalah seperti berikut:

- Dalam perenggan 6, MPSAS 38 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 38 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.